

<p>Baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum anda memutuskan untuk melanggan produk ini. Sila pastikan juga untuk membaca terma-terma dan syarat-syarat di dalam Surat Tawaran. Dapatkan penerangan daripada pegawai kami jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen atau terma-terma ini.</p>	<p><b>Pembiayaan Kenderaan-i / Pembiayaan Kenderaan-i GradONE</b></p> <p>Tarikh: <b>31 Januari 2023</b></p>
<p><b>1. Apakah yang ditawarkan oleh produk ini?</b></p>	
<p>Kemudahan Pembiayaan Kenderaan-i ialah pembiayaan berjangka yang dikira berdasarkan kadar tetap. Pembiayaan Kenderaan-i membolehkan anda memiliki kenderaan idaman dibawah kontrak Murabahah (Murabahah kepada Orang yang Menempah).</p>	
<p><b>2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?</b></p>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kontrak Syariah utama yang digunakan dalam produk ini ialah Murabahah (Murabahah kepada Orang yang Menempah “MPO”) iaitu kontrak jualan dengan pendedahan harga kos aset dan margin keuntungan kepada pembeli (iaitu Pelanggan yang membuat tempahan). Di bawah kontrak ini, terdapat pesanan dan aku janji untuk pembelian oleh Pelanggan sebelum pemerolehan aset oleh penjual (iaitu Bank).</li> <li>• Mekanisme produk ini seperti yang terkandung di dalam perjanjian yang bekenaan adalah seperti yang berikut:             <ol style="list-style-type: none"> <li>(a) PELANGGAN bersetuju menerima Kemudahan Pembiayaan mengikut skim pembiayaan seperti berikut:                 <ol style="list-style-type: none"> <li>i. PELANGGAN berwa'd (berjanji) untuk membeli Kenderaan tersebut daripada Bank Islam.</li> <li>ii. PELANGGAN bersetuju dengan pelantikan sebagai ejen pembelian bagi pihak Bank Islam untuk membeli Kenderaan tersebut daripada Pengedar/ tuan punya Kenderaan tersebut melalui penerimaan Surat Pelantikan Pelanggan sebagai Ejen Pembelian.</li> <li>iii. PELANGGAN memilih Kenderaan tersebut daripada Pengedar/tuan punya Kenderaan tersebut dan berpuas hati dengan Kenderaan tersebut dalam segala aspeknya, termasuk tanpa had, keadaan tentang kecacatan atau kekurangan, kualitinya, kesesuaian untuk tujuan (“Fitness for Purpose”), dan kualiti boleh dagangnya dan berdasarkan pemilihan tersebut.</li> <li>iv. PELANGGAN membayar kepada Pengedar/ tuan punya Kenderaan tersebut bayaran muka atas harga belian Kenderaan tersebut sebanyak satu amaun yang disebut sebagai Bayaran Muka.</li> <li>v. Bayaran Muka tersebut akan ditolak (“off set”) daripada Harga Jualan Bank.</li> <li>vi. Di atas persetujuan Bank Islam untuk memberi Kemudahan Pembiayaan, Bank Islam akan membeli Kenderaan tersebut daripada Pengedar/ tuan punya Kenderaan tersebut untuk tujuan penjualan kepada PELANGGAN pada satu harga, iaitu harga kos campur keuntungan bagi Bank Islam (“Harga Jualan Bank”).</li> <li>vii. PELANGGAN membayar kepada Bank Islam deposit cagaran sebanyak satu amaun yang disebut Deposit Cagaran.</li> </ol> </li> <li>(b) PELANGGAN telah memilih Kenderaan tersebut daripada Pengedar/ tuan punya Kenderaan tersebut dan Bank Islam telah bersetuju memberi Kemudahan Pembiayaan kepada PELANGGAN dan Bank Islam telah membeli Kenderaan tersebut daripada Pengedar/ tuan punya Kenderaan tersebut untuk tujuan dijual kepada PELANGGAN.</li> <li>(c) Kaedah untuk melakukan transaksi tersebut adalah dengan cara penyerahan Kenderaan tersebut dilakukan secara terus di antara PELANGGAN dan Pengedar/ tuan punya Kenderaan tersebut.</li> </ol> </li></ul>	
<p><b>3. Apakah yang saya perolehi daripada produk ini?</b></p>	
<p><b>Amaun Pembiayaan</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kenderaan Baharu:             <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Margin pembiayaan adalah sehingga 90% daripada harga “on-the-road (OTR)” untuk permohonan biasa Pembiayaan Kenderaan-i</li> <li>ii. Margin pembiayaan sehingga 100% daripada harga OTR untuk pakej khas seperti Pembiayaan Kenderaan-i GradONE.</li> </ol> </li> <li>• Kenderaan Terpakai:             <p>Margin pembiayaan adalah sehingga 90% daripada harga “on-the-road (OTR)” untuk permohonan biasa dan pakej khas</p> </li> <li>• Amaun pembiayaan yang diluluskan adalah berdasarkan penilaian kredit oleh pihak Bank</li> </ul>
<p><b>Tempoh Pembiayaan</b></p>	<p>Kenderaan Baharu - Tempoh pembiayaan adalah sehingga 9 tahun.</p> <p>Kenderaan Terpakai - Tempoh pembiayaan adalah sehingga 9 tahun, tertakluk kepada usia kenderaan dan tempoh pembiayaan tidak melebihi 15 tahun, yang mana lebih rendah. Contoh, jika kereta telah berusia 8 tahun dari tarikh pembuatan, pembiayaan yang dibenarkan adalah sehingga 7 tahun sahaja.</p> <p><b><u>Nota Penting:</u></b> Bagi Kenderaan Terpakai, kenderaan tidak boleh melebihi 10 tahun dari tarikh pembuatan.</p>

<b>Kadar Keuntungan</b>	Kadar Tetap untuk Pembiayaan Kenderaan-i dan Pembiayaan Kenderaan-i GradONE:	
	Kenderaan Nasional	Daripada 2.35% hingga 3.30% setahun
	Kenderaan Baru Bukan Nasional & Kenderaan Recond Tidak Berdaftar	Daripada 2.20% hingga 2.40% setahun
	Kenderaan Hibrid dan Elektrik (HEV)	Daripada 2.10% hingga 2.20% setahun
	Kenderaan Terpakai	Tidak melebihi 4.00% setahun
<p><b>Nota:</b></p> <p>i. Keuntungan dikira secara bulanan berdasarkan kepada "Sum of Digit".</p> <p>ii. Sila rujuk laman sesawang Bank Islam atau hubungi Khidmat Pelanggan kami untuk informasi terkini.</p>		

#### 4. Apakah tanggungjawab saya?

- Ilustrasi:

Jumlah Amaun Pembiayaan	RM 100,000
Tempoh Pembiayaan	9 tahun
Kadar Keuntungan	3.30% setahun
Harga Jualan Bank	RM129,700.00
Ansuran Bulanan	RM1,201.00

Ansuran bulanan dikira menggunakan formula di bawah:

$$[(P \times R \times T) + P] / t$$

di mana:

- P = Jumlah Pembiayaan yang diluluskan
- R = Kadar Keuntungan setahun
- T = Tempoh Pembiayaan (setahun)
- t = Tempoh Pembiayaan (sebulan)

- Sila ambil perhatian, jumlah dan kadar di atas adalah ilustrasi sahaja. Jumlah kemudahan yang diluluskan, tempoh dan Kadar Keuntungan adalah berdasarkan kepada kriteria kelulusan oleh Bank dan mungkin berbeza dari di atas
- Penting: Ansuran bulanan dan jumlah bayaran anda tidak akan berubah sepanjang tempoh pembiayaan seperti berikut:

Keterangan	Hari ini 3.30% setahun (kadar tetap)
Ansuran bulanan	RM 1,201.00
Ansuran bulan terakhir	RM 1,193.00
Jumlah kos keuntungan pada akhir 9 tahun	RM 29,700.00
Jumlah amaun bayaran pada akhir 9 tahun	RM 129,700.00

**Nota:** Ansuran bulanan dan jumlah bayaran adalah berdasarkan ilustrasi di atas.

- Anda dikehendaki menjelaskan semua ansuran bulanan seperti yang telah dinyatakan di dalam Surat Tawaran Pembiayaan melalui Potongan Gaji oleh majikan atau Pindahan Gaji dengan Pindahan Dana Automatik atau Arahan Tetap setelah pengeluaran penuh dibuat sehingga akaun pembiayaan selesai keseluruhannya.
- Sekiranya Potongan Gaji yang dibuat oleh majikan belum lagi bermula, anda bertanggungjawab untuk membayar ansuran bulanan tepat pada masanya dan hendaklah dibayar seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran Pembiayaan.
- Pada tarikh tamat kemudahan pembiayaan, anda perlu menyelesaikan semua baki belum berbayar atau Bank Islam boleh memanjangkan tempoh pembiayaan untuk penyelesaian kemudahan melalui Bayaran Ansuran Bulanan pada amaun yang dipersetujui. Jika tempoh pembiayaan yang diberi melebihi umur bersara, anda masih bertanggungjawab untuk membayar Bayaran Ansuran Bulanan. Walau bagaimanapun, anda boleh memilih untuk menyelesaikan kemudahan pembiayaan pada bila-bila masa sebelum sampai umur bersara.

#### 5. Apakah caj-caj lain yang perlu saya bayar?

Jenis Caj	Amaun dan Perincian Caj
Duti Setem	<p>Seperti mana Akta Duti Setem 1949 (Pindaan 1989)</p> <p>i. Tanpa Penjamin RM20.00 (Surat Tawaran RM10.00 dan Perjanjian MPO RM10.00)</p> <p>ii. Dengan Penjamin RM30.00 (Surat Tawaran RM10.00 dan Perjanjian MPO RM20.00)</p>

#### Pembatalan kemudahan yang diberikan

Anda perlu menjelaskan semua kos di atas termasuk kos-kos lain yang telah ditanggung oleh Bank (jika ada) untuk penyediaan dan pendaftaran dokumen sekuriti yang berkaitan dengan kemudahan ini termasuk sebarang perbelanjaan yang dicaj semasa proses tuntutan apabila kemudahan ini dibatalkan.

## 6. Adakah Bank memerlukan bayaran pendahuluan?

- Bank Islam memerlukan bayaran pendahuluan bersamaan 1 bulan bayaran ansuran bulanan untuk Pembiayaan Kenderaan-i GradONE.
- Bagi Pembiayaan Kenderaan-i, Bank memerlukan bayaran pendahuluan bergantung kepada keadaan tertentu.

## 7. Bagaimanakah jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

- Pelanggan perlu membayar pampasan kepada pihak Bank ke atas sebarang kos sebenar yang ditanggung pihak Bank yang disebabkan pelanggaran janji (Wa`d) dan aku janji untuk membeli kenderaan daripada Bank.
- Caj gantirugi (Ta`widh) ekoran lewat bayaran akan dikenakan seperti berikut:

<b>Sebelum Tarikh Matang Kemudahan</b>	Jumlah yang bersamaan dengan satu peratus (1%) setahun ke atas tunggakan ansuran dikira sehingga tarikh penyelesaian penuh.
<b>Selepas Tarikh Matang Kemudahan</b>	Jumlah yang bersamaan dengan kadar semasa semalaman harian Pasaran Wang Antara Bank Islam (IIMM) dikira ke atas baki pembiayaan iaitu baki Harga Jualan setelah ditolak rebat (Ibra'), jika ada.
<b>Hutang Selepas Penghakiman</b>	Jumlah yang bersamaan dengan kadar semasa semalaman harian IIMM ke atas jumlah penghakiman asas dikira dari tarikh penghakiman sehingga tarikh penyelesaian penuh.

**Nota:** Pengenaan Ta`widh adalah dengan cara yang diluluskan oleh BNM dari semasa ke semasa.

- Apabila berlaku kemungkiran:
  - Bank boleh melalui notis bertulis kepada anda, meminta anda membuat pembayaran segera terhadap jumlah tertunggak sama ada daripada anda dan/atau penjamin.
  - Bank berhak untuk menolak sebarang baki kredit dalam akaun deposit dan/atau pelaburan anda yang diuruskan oleh Bank terhadap sebarang bayaran tertunggak di bawah pembiayaan ini.
  - Bank boleh mengambil tindakan undang-undang ke atas anda sekiranya anda gagal untuk memberi maklum balas terhadap notis peringatan. Sebarang sekuriti yang dicagarkan kepada Bank boleh dirampas/ ditarik/ dicairkan dan anda perlu menanggung semua kos yang berkaitan dengan pelupusan/ pencairan sekuriti tersebut. Anda juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan jumlah pembiayaan selepas sekuriti tersebut dilupuskan/ dicairkan. Tindakan undang-undang terhadap anda boleh memberi kesan kepada penarafan kredit anda yang membawa kepada penilaian kredit yang lebih sukar atau mahal untuk anda di masa hadapan.
  - Mencetuskan kemungkiran bersilang terhadap kemudahan lain dengan Bank.

## 8. Bagaimanakah jika saya menyelesaikan pembiayaan sebelum tempoh matang?

- 'Lock in period' tidak terpakai bagi kemudahan ini dan Bank akan memberikan Ibra' ke atas Keuntungan Tertanggung setelah penyelesaian penuh dibuat.
- Formula Ibra' adalah seperti berikut:

Ibra' (rebat) ketika penyelesaian awal = Keuntungan Tertanggung

**Nota:**

- Keuntungan Tertanggung = Jumlah Keuntungan Kontrak – Keuntungan Terakru.
- Jumlah Keuntungan Kontrak = Baki Harga Jualan – Harga Belian (atau Amaun Pembiayaan).
- Keuntungan Terakru dikira berdasarkan Kadar Keuntungan ke atas baki Harga Belian Bank (atau Jumlah Kemudahan Pembiayaan) yang telah dibayar/ digunakan.

## 9. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?

- Pelanggan dikehendaki mendapatkan perlindungan Takaful/ Insurans Motor Komprehensif bagi kenderaan yang dibiayai sepanjang tempoh pembiayaan.
- Pilihan – Pelan Takaful Pembiayaan Kenderaan (AFTP) bagi memberi perlindungan Takaful dengan jumlah perlindungan ketika kematian atau Keilatan Menyeluruh dan Kekal orang yang dilindungi.

## 10. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Keperluan untuk penjamin adalah berdasarkan setiap kes masing-masing. Kenderaan yang dibiayai akan dicagarkan sebagai cagaran.

<b>11. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan kepada butiran perhubungan saya?</b>	
<p>Adalah penting untuk anda memberitahu kami berkenaan apa-apa perubahan terhadap butiran perhubungan anda bagi memastikan sebarang bentuk komunikasi dapat dihantar tepat pada masanya. Bagi mengemaskini butiran perhubungan anda, anda boleh memaklumkan kepada kami secara bertulis atau lawati Cawangan Bank Islam berhampiran.</p>	
<b>12. Siapakah yang perlu saya hubungi untuk maklumat lanjut atau untuk membuat aduan?</b>	
<p>Jika anda menghadapi kesulitan untuk menjelaskan ansuran bulanan, anda dinasihatkan untuk menghubungi kami dengan segera bagi membincangkan mengenai pilihan bayaran di:</p> <p><b>Jabatan Khidmat Pelanggan Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 17, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03 2690 0900 Fax: 03 2782 1337 Emel: <a href="mailto:contactcentre@bankislam.com.my">contactcentre@bankislam.com.my</a></b></p>	<p>Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk memberikan khidmat percuma mengenai pengurusan kewangan, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:</p> <p><b>Tingkat 5 dan 6, Menara Bumiputra Commerce Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur. Tel: 03 2616 7766 Fax: 03 2616 7601 Laman sesawang: <a href="http://www.akpk.org.my">www.akpk.org.my</a></b></p>
<p>Jika anda ingin membuat aduan berkenaan produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di:</p> <p><b>Jabatan Khidmat Pelanggan Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 17, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03 2690 0900 Fax: 03 2782 1352 Emel: <a href="mailto:customercare@bankislam.com.my">customercare@bankislam.com.my</a></b></p>	<p>Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan secara memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:</p> <p><b>Blok D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur Tel: 1 300 88 5465 Fax: 03 2174 1515 Emel: <a href="mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my">bnmtelelink@bnm.gov.my</a></b></p>
<b>13. Di mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?</b>	
<p>Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan Pembiayaan Kenderaan-i atau Pembiayaan Kenderaan-i GradONE, sila rujuk di cawangan Bank Islam terdekat di seluruh negara atau layari laman web Bank Islam di <a href="http://www.bankislam.com">www.bankislam.com</a>.</p>	
<b>14. Pakej-pakej lain Pembiayaan Kenderaan-i yang ada?</b>	
<p>Pembiayaan Motosikal Berkuasa Tinggi-i</p>	
<p><b>PERINGATAN PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG MUNGKIN DIAMBIL KE ATAS ANDA JIKA ANDA GAGAL UNTUK MEMBAYAR ANSURAN BAGI KEMUDAHAN PEMBIAYAAN KENDERAAN-i ANDA.</b></p>	

**Nota:**

- Keuntungan dan caj-caj yang dinyatakan di atas mungkin akan berubah dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Bank.
- Semua maklumat yang diberikan dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah sah mulai **31 Januari 2023**.

Pengesahan penerimaan oleh pelanggan,

.....

Nama:  
No. Kad Pengenalan:  
Tarikh: